

MBR berjaya senarai 2,273 rekod kejayaan rakyat Malaysia

KUALA LUMPUR 11 Julai

— 'The Malaysia Book Of Records (MBR) yang menyambut ulang tahun ke-8 hari ini telah berjaya menyenaraikan 2,273 rekod kejayaan rakyat Malaysia dalam 11 kategori.

Buku itu yang diilhamkan oleh Datuk Danny Ooi yang juga Pengarah Urusan Malaysia Book Of Records Sdn. Bhd. (MBRSB) pada tahun 1995 telah memainkan peranan penting dalam merekod dan mengiktiraf usaha rakyat Malaysia untuk mengharumkan nama negara.

Antara kategori rekod yang telah dicipta oleh jaguh-jaguh negara ialah perihal manusia, pencapaian manusia, semula jadi, sains dan teknologi, dunia perniagaan, sukan dan permainan serta pengangkutan.

Kategori selebihnya ialah dunia yang didiami, bangunan dan struktur, dunia kemanusiaan serta seni dan hiburan.

"Kami juga akan menerbitkan MBR edisi emas yang diterbitkan khusus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara sedikit masa lagi," jelas MBRSB dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Selain itu MBR juga akan membuka sebuah muzium bagi memperagakan kesemua rekod yang dicatat untuk tontonan umum antaranya kasut terbesar, baju gula-gula, wanita dan lelaki tertinggi dan replika menara berkembar Petronas daripada kertas tertinggi.

Beberapa lagi rekod kejayaan yang pernah dicatat-

kan oleh rakyat negara ini ialah Jalur Gemilang terpanjang yang dibentangkan di atas Tembok Besar China dan pokok terbanyak ditanam dalam satu minit.

Bagaimanapun menurut syarikat itu, buat sementara waktu orang ramai boleh berkunjung ke bilik pameran MBR yang terletak di Menara Ue3 Jalan Loke Yew dekat sini dan tiada sebarang bayaran dikenakan.

Sempena dengan sambutan ulang tahun itu juga MBR mempelawa dan mengalu-alu mana-mana semua rakyat negara ini berusaha untuk membuat rekod baru dan menghubungi pihak di talian: 03-9283 8877 atau e-mel: mybor@po.jaring.my.